

# Pelaksanaan subsidi bersasar RON95 akan diteruskan

BERITA HARIAN 17 JUN 2025 m/s: 3

**Kuala Lumpur:** Rancangan pelaksanaan subsidi bersasar RON95 akan diteruskan seperti yang dirancangan, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri semalam mengulangi jaminan bahawa pelaksanaan subsidi bersasar RON95 tidak akan menjejaskan sebahagian besar rakyat.

## Ibadat & Faidilat

Abu Hurairah RA meriwayatkan Nabi SAW bersabda: "Allah sentiasa memperkenankan doa seorang hamba, selama doa itu tidak mengandungi dosa atau memutus silaturahmi dan tidak meminta cepat-cepat diperkenankan." Lalu Baginda ditanya: "Apa maksudnya meminta cepat-cepat?" Baginda menjawab: "Umpamanya seorang berkata dalam doanya: Aku sudah berdoa, aku sudah berdoa tetapi aku belum melihat doaku diperkenankan. Lalu dia putus asa dan berhenti berdoa." (HR Muslim)

KAWASAN	SUBUH	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
Kangar	5:49	1:22	4:48	7:36	8:52
Alor Setar	5:50	1:22	4:48	7:35	8:52
P. Pinang	5:52	1:22	4:48	7:34	8:50
Ipoh	5:51	1:20	4:46	7:30	8:46
Kuala Lumpur	5:51	1:17	4:43	7:26	8:42
Shah Alam	5:51	1:17	4:43	7:26	8:42
Johor Bahru	5:45	1:08	4:34	7:14	8:29
Kuantan	5:46	1:11	4:37	7:19	8:35
Seremban	5:51	1:16	4:41	7:23	8:39
Bandar Melaka	5:50	1:15	4:40	7:21	8:37
Kota Bharu	5:43	1:15	4:41	7:28	8:39
K. Terengganu	5:41	1:11	4:37	7:22	8:38
Kota Kinabalu	4:48	12:19	3:45	6:31	7:47
Kuching	5:20	12:43	4:09	6:49	8:04

Menurutnya, terdapat banyak kempen negatif mengenai RON95 dan menjelaskan apa yang dikatakan oleh pembangkang hanyalah gimik yang menunjukkan bahawa rakyat sedang mengalami kesusahan.

"Sama ada kita akan melaksanakannya (subsidi bersasar RON95)? Ya...kita akan melakukannya, kerana rasionalisasi subsidi adalah sesuatu yang kritikal untuk negara kita.

"Kita mahu mempunyai sumber yang mencukupi untuk membantu golongan miskin, untuk meningkatkan kualiti pendidikan, memberikan perkhidmatan awam yang lebih baik termasuk kesihatan," katanya ketika ditemui di Energy Asia 2025 di sini, semalam.

Beliau berkata demikian bagi mengulas sama ada kerajaan akan terus melaksanakan subsidi bersasar RON95 atau sebaliknya.

Pada pembentangan Belanjaan 2025 pada Oktober tahun lalu, Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan mengumumkan bahawa kerajaan merancang melaksanakan penyasaran subsidi petrol RON95 pada pertengahan tahun ini.

Baru-baru ini, Menteri Ke-



wangan II, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan dilaporkan berkata bahawa kerajaan akan tetap melaksanakan rasionalisasi subsidi RON95 seperti yang dirancang pada separuh kedua tahun ini.

Beliau berkata, perbincangan berkaitan rasionalisasi subsidi masih berjalan di peringkat Jemaah Menteri bagi meneliti mekanisme terbaik untuk pelaksanaan menyeluruh dan adil kepada rakyat.